

Mahkamah Rayuan tolak rayuan Najib hadir prosiding Mareva

Oleh SUWARNI MOKHTAR
utusannews@mediamulia.com.my

PUTRAJAYA: Bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib gagal dalam rayuannya berhubung permohonannya untuk menghadiri prosiding Mareva yang diperoleh terhadapnya oleh 1Malaysia Development Berhad (1MDB) dan beberapa anak syarikatnya.

Perintah injuksi Mareva adalah perintah sementara yang menghalang defendan daripada melupuskan aset sehingga keputusan dicapai dalam kes membabitkan plaintif dan defendan.

Ia selepas panel tiga hakim yang diketuai Datuk P. Ravinthran yang bersidang bersama-sama Datuk Mariana Yahya dan Datuk Lim Chong Fong menolak permohonan tersebut atas alasan ia (rayuan) bersifat akademik.

"Pendengaran injuksi Mareva selesai pada 27 September lalu dan kini berada di peringkat Mahkamah Rayuan. Pihak responden (1MDB dan anak-anak syarikatnya) menghujahkan bahawa apa jua yang diputuskan



NAJIB TUN RAZAK

dalam rayuan ini akan menjadi akademik dan kami bersetuju dengan hujah peguam responden.

"Kami bersetuju dengan hujah ini. Pada pandangan kami, tiada sebarang halangan bagi perayu (Najib) untuk mengemukakan permohonan ke Mahkamah Rayuan (untuk rayuan berhubung perintah Mareva) sebagaimana

yang dinyatakan oleh Mahkamah Tinggi sebelum ini.

"Oleh itu, rayuan ini ditolak tanpa sebarang perintah mengenai kos," kata Hakim Ravinthran ketika membaca penghakiman ringkasnya pada prosiding yang dijalankan secara dalam talian.

Hadir pada prosiding tersebut ialah peguam Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah me-

wakili Najib manakala kesemua responden diwakili peguam Siva Kumar Kanagasabai.

Responden terdiri daripada 1MDB, 1MDB Energy Holdings Limited, 1MDB Energy Limited, 1MDB Energy (Langat) Limited dan Global Diversified Investment Company Limited (dahulunya dikenali sebagai 1MDB Global Investments Limited).

Najib memfailkan rayuan selepas Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada 10 November 2022 menolak permohonannya untuk hadir pada prosiding pendengaran injuksi Mareva yang diperoleh 1MDB dan anak-anak syarikatnya yang menghalang bekas Presiden UMNO itu melupuskan atau mengurangkan nilai mana-mana asetnya di Malaysia sehingga AS\$681 juta.

Berhubung rayuan berkaitan perintah Mareva, Najib memfailkan rayuan selepas Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur menolak permohonannya untuk membatalkan perintah injuksi Mareva oleh 1MDB itu.

Perintah Mareva itu merupakan perintah kedua dikenakan terhadap Najib selepas perintah

sama diperoleh SRC International Sdn. Bhd. berjaya mendapatkan injuksi Mareva bagi jumlah RM42 juta.

Perintah Mareva 1MDB antara lain menyebut, Najib mestilah membuat pendedahan secara bertulis kepada 1MDB dan Global Diversified berhubung asetnya sehingga pada nilai AS\$681,000,000 sama ada di dalam atau di luar negara, sama ada di bawah namanya sendiri atau tidak dan sama ada milikan secara tunggal atau secara bersama defendan lain.

Selain perintah melarang Najib mengalihkan, melupuskan, mengendalikan atau mengurangkan nilai asetnya di dalam negara, perintah Mareva itu juga tidak dibenarkan mengeluarkan wang melebihi RM100,000 sebulan daripada akaunnya untuk perbelanjaan sara hidup biasa dan perbelanjaan guaman.

Perintah itu berkuat kuasa sementara menunggu keputusan akhir kes saman sivil AS\$8 bilion yang difailkan oleh 1MDB dan empat anak syarikatnya terhadap bekas Perdana Menteri dan bekas pengurusan kanan 1MDB.